

06/11/1999

Daim seru rakyat Kedah sokong BN

SUNGAI PETANI, Jumaat - Rakyat Kedah diseru terus memberikan sokongan kepada Barisan Nasional (BN) meskipun pemimpin parti komponen BN berubah, kata Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Beliau berkata, aspek sama ada seseorang pemimpin BN masih kekal atau sebaliknya, tidak penting kerana perjuangan mendaulatkan bangsa, agama dan negara di bawah BN bukannya bergantung kepada individu.

Sebaliknya, katanya, perjuangan ahli parti komponen BN harus bersifat global untuk memastikan kemerdekaan dan kemajuan negara tidak digugat sama ada oleh anasir jahat dari dalam atau luar negara.

Sehubungan itu, Daim menyeru anggota masyarakat yang cintakan kemajuan, kemakmuran dan keharmonian penghidupan di negara ini terus yakin kepada perjuangan BN.

"Pemimpin datang dan pergi. Saya pun, entah esok atau lusa tak ada lagi di dunia ini. Tetapi perjuangan parti mesti diteruskan. Janganlah apabila Dr Mahathir atau saya atau pemimpin lain tak ada lagi, tuan-tuan tak mahu meneruskan perjuangan.

"Kalau saya dipilih sekali lagi oleh pucuk pimpinan BN untuk kekal bertanding di Parlimen Merbok, saya akan terus berkhidmat untuk rakyat.

"Perjuangan kita adalah kerana kita yakin bahawa hanya BN yang mampu menjamin masa depan kita dan generasi akan datang," katanya ketika berdialog dengan ahli parti komponen BN di Dewan Orang Ramai Bukit Selambau, dekat sini semalam.

Daim berkata demikian sebagai mengulas saranan seorang ahli Umno supaya beliau terus kekal bertanding di Parlimen Merbok kerana tanpa Daim, ahli Umno dan parti komponen BN yang lain di kawasan itu seolah-olah melayari kapal tanpa pelabuhan yang ingin ditujui.

Menjawab soalan lain, Daim berkata, penduduk yang tidak berpuas hati terhadap masalah penyediaan infrastruktur di kawasan mereka, diminta menulis surat kepada beliau untuk diatasi.

Katanya, masalah seperti ketiadaan bekalan tenaga elektrik, air, telefon, kemudahan pejabat pos dan seumpamanya akan diberikan perhatian kerana ia adalah tanggungjawab BN.

"Kalau tuan-tuan tidak beritahu saya, macam manalah saya hendak tahu. Kalau lama sangat masalah itu tak diatasi, tulis surat kepada saya. Sekurang-kurangnya saya boleh minta pihak bertanggungjawab mengatasi masalah tuan-tuan," katanya.

(END)